



Misi

Melahirkan Modal Insan Kamil Yang Menyumbang Kepada Agenda Pembangunan Dan Daya Saing Industri Negara.

Visi

Institusi Akademik Dan Penyelidikan Yang Berdaya Saing Di Persada Antarabangsa.

Nilai Teras

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti ini pada dasarnya menitikberatkan kepada 'lab-intensive' dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.